

KEBERKESANAN APLIKASI TMK DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID: SATU KAJIAN KES

Abul Fuad Mohamed Salim

fuad.btpnkel@moe.edu.my

Bahagian Teknologi Pendidikan Kelantan

Izani Hj Daud

izani_hd@yahoo.com.my

Sekolah Menengah Kebangsaan Salor, Kota Bharu, Kelantan

Abstrak

Kajian ini dilaksanakan bertujuan menilai keberkesanan aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid, minat dan penglibatan mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Alat ukur kajian ini ialah ujian pra-dan ujian pasca- bagi melihat keberkesanan penguasaan kemahiran membaca dan Instrumen Permerhatian Guru bagi mengukur minat dan penglibatan murid. Dua kaedah P&P diguna pakai dalam kajian ini, iaitu kaedah *Stand Alone* yang menyamai situasi dan kemudahan TMK di makmal komputer dan pusat akses sekolah dan kaedah Bilik Darjah. Penyampaian kemahiran membaca kepada murid dilakukan secara pengayaan sendiri dan berfokuskan guru. Dapatan kajian menunjukkan minat murid adalah tinggi dalam proses P&P menggunakan TMK dan kaedah *Stand Alone*. Kaedah ini lebih diminati berbanding kaedah Bilik Darjah. Penglibatan murid adalah tinggi dalam proses P&P menggunakan TMK, dan tiada

perbezaan penilaian pemerhatian bagi kaedah *Stand Alone* dan kaedah Bilik Darjah. Secara keseluruhan telah berlaku peningkatan secara menyeluruh dalam penguasaan kemahiran membaca murid-murid.

Kata kunci: aplikasi TMK, kemahiran membaca, murid pemulihan, kaedah *Stand Alone*, kaedah Bilik Darjah

Abstract

This study was undertaken to evaluate the effectiveness of Information and Communication Technology (ICT) applications in enhancing students' reading skills, interest and involvement in the process of teaching and learning. The study was undertaken using pre- and post-testing to gauge reading skills and teacher observation instruments to measure students' interest and involvement. Two methods of teaching and learning were used in this study, the Stand Alone method, with ICT facilities equivalent to those of the computer lab and school access, and the Classroom method. Reading skills were imparted to students through self-enrichment and teacher focus. It was found that student interest was high for teaching and learning using ICT, and the Stand Alone method compared to the Classroom method. Student participation was also higher in teaching and learning when ICT was used and there was no difference between observations for Stand Alone method and Classroom method. Overall there was a general improvement in reading proficiency of students.

Keywords: ICT applications, reading skill, recovery students, Stand Alone method, Classroom method

PENDAHULUAN

Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara kita, dan Bahasa Melayu merupakan salah satu mata pelajaran penting yang diajarkan di sekolah. Dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Bahasa Melayu terdapat tiga kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid-murid, iaitu kemahiran membaca, kemahiran menulis dan juga kemahiran lisan.

Dalam proses P&P mata pelajaran Bahasa Melayu terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh guru. Antara masalah yang dikenal pasti ialah masalah murid tidak dapat mengenal abjad, menulis dan membaca. Senario

ini menyebabkan para guru berusaha menyediakan pelbagai strategi bagi menangani masalah ini demi memartabatkan bahasa Melayu.

Kemahiran TMK merupakan perkembangan yang dititikberatkan oleh Kementerian Pelajaran sejajar dengan konsep Pembestarian Sekolah yang memanfaatkan TMK sebagai pemboleh upaya utama atau *prime enabler*. Banyak peruntukan telah dibelanjakan bagi membangunkan perkakasan, bahan dan latihan kepakaran kepada warga pendidikan bagi memastikan prasarana TMK ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar. Faedah penggunaan TMK dari segi perkakasan dan bahan yang dibangunkan Kementerian Pelajaran untuk para pelajar adalah banyak, terutama dalam meningkatkan kualiti P&P. Kajian ini akan memperjelas perkaitan antara manfaat penggunaan TMK yang merupakan pemangkin kepada kemahiran membaca murid yang difokuskan kepada murid pemulihan sekolah rendah.

REFLEKSI ISU KAJIAN

Sekolah kajian ialah salah sebuah sekolah rendah di Kota Bharu yang mempunyai reputasi baik dari segi pencapaian akademik Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Walau bagaimanapun, masih terdapat sebilangan pelajar yang gagal menguasai kemahiran membaca. Sekolah ini mempunyai Bilik Pemulihan Khusus tetapi tidak dilengkapi dengan peralatan TMK terutamanya komputer. Hal ini menyebabkan proses P&P lebih bercorak konvensional atau berfokus kepada guru. Untuk kajian ini, hanya Murid Tahun 2 Pemulihan seramai 10 orang difokuskan untuk melihat sejauh mana aplikasi TMK dapat memberi kesan dalam meningkatkan kemahiran membaca murid, motivasi pelajar dan penglibatan mereka dalam proses P&P. Profil sekolah dan guru pemulihan dapat dilihat pada Lampiran 1.

Keputusan Ujian Saringan Bahasa Melayu, Program Pemulihan Khas Sekolah Rendah ialah tapisan utama, iaitu kesemua murid yang dipilih ini berada dalam kategori 10 hingga 45 markah. Ujian ini menyebabkan mereka terpaksa mengikuti kelas pemulihan dengan bimbingan guru pemulihan. Senarai pelajar pemulihan dari tahun 1 hingga tahun 6 dapat dilihat dalam Jadual 1, pada halaman 226.

Jadual 1 Maklumat Murid Pemulihan Sekolah Kajian 1 Tahun 2010.

BIL.	TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1	2	8	2	10
2	3	4	2	6
3	4	3	0	3
4	5	3	0	3
5	6	2	1	3
JUMLAH		20	5	25

Berdasarkan perbincangan dengan guru pemulihan di sekolah tersebut didapati terdapat pelbagai tahap kecerdasan murid dalam kemahiran membaca. Walau bagaimanapun, kesemua murid yang terpilih boleh dikategorikan sebagai “tidak boleh membaca”. Punca kelemahan murid-murid ini disebabkan gagal menguasai kemahiran asas membaca, kurang berminat terhadap pelajaran dan pasif semasa proses P&P berlaku.

Fokus kajian ini adalah untuk mengetahui keberkesanan penggunaan Perisian Kursus Pendidikan [Compact Disc Read Interactive (CDRI)] melalui penggunaan perkakasan TMK dapat mengatasi kelemahan murid dalam kemahiran membaca, dan meningkatkan minat dan penglibatan mereka semasa proses P&P dilakukan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk;

1. Menilai keberkesanan penggunaan CDRI dan perkakasan TMK dalam meningkatkan minat murid pemulihan.
2. Menilai keberkesanan penggunaan CDRI dan perkakasan TMK dalam meningkatkan penglibatan murid pemulihan dalam proses P&P.
3. Menilai keberkesanan penggunaan CDRI dan perkakasan TMK dalam mengatasi masalah kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihan.
4. Menilai keberkesanan penggunaan CDRI dan perkakasan TMK dalam mengatasi masalah kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihan mengikut skop kemahiran yang berikut:

- (i) Mengenal huruf
- (ii) Mengenal suku kata
- (iii) Mengenal perkataan

KUMPULAN SASARAN/RESPONDEN KAJIAN

Murid Tahun 2 Kelas Pemulihan seramai 10 orang (lapan murid lelaki dan dua murid perempuan). Murid ini merupakan murid yang sangat lemah dalam kemahiran membaca. Mereka mendapat markah antara 10–45 peratus dalam Ujian Saringan Bahasa Melayu, Program Pemulihan Khas Sekolah Rendah (menggunakan Ujian Pelepasan 2, KIA2M) tahun 2010. Murid ini tidak mempunyai kemahiran komputer walaupun lima orang daripada mereka mempunyai komputer di rumah.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen penilaian digunakan dalam kajian ini bagi membolehkan soalan kajian/objektif kajian dijawab.

1. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian pra- dan ujian pasca-. Ujian pra- diadakan pada 13 April 2010 di Pusat Akses di sebuah sekolah berhampiran. Murid dikehendaki menjawab soalan yang terdiri daripada 14 skop kemahiran membaca dalam tempoh masa satu jam. Ujian pasca- diadakan pada 30 Mei 2010 menggunakan set soalan yang sama.
2. Instrumen Pemerhatian Guru juga dibentuk bagi menilai tahap motivasi dan tahap penglibatan murid dalam proses P&P. Guru yang mengajar dikehendaki membuat catatan dan mengisi skor persetujuan mereka berasaskan lima skala likert. Pemerhatian ini dibuat sekurang-kurangnya dua kali dalam setiap kaedah P&P.

BATASAN KAJIAN

Sampel kajian hanya melibatkan Murid-murid Pemulihan Tahun 2 salah sebuah sekolah rendah di Kota Bharu.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

Langkah 1: Mesyuarat Bersama Sekolah (23 Mac 2010)

Perjumpaan dengan Guru Besar dan Guru Pemulihan sekolah kajian, dilakukan bagi mendapatkan persetujuan melaksanakan kajian ini secara bersama di sekolah berkenaan. Tinjauan juga dibuat terhadap sistem pengurusan dan prasarana kelas pemulihan di sekolah berkenaan.

Langkah 2: Ujian Pra- (13 April 2010)

Bagi mengenal pasti masalah secara spesifik ujian pra- diberikan dengan mengedarkan edaran kepada murid. Pelajar diawasi sepenuhnya untuk mengelak daripada berlaku peniruan semasa ujian. 14 skop kemahiran adalah seperti yang berikut:

- (i) Kemahiran 1 : Mengetahui huruf kecil.
- (ii) Kemahiran 2 : Mengetahui huruf besar.
- (iii) Kemahiran 3 : Suku kata "V".
- (iv) Kemahiran 4 : Suku kata "KV".
- (v) Kemahiran 5 : Perkataan "KV + KV".
- (vi) Kemahiran 6 : Perkataan "KV + KV + KV".
- (vii) Kemahiran 7 : Melengkapkan perkataan dua suku kata "V + KV".
- (viii) Kemahiran 8 : Menulis perkataan "KVK".
- (ix) Kemahiran 9 : Melengkapkan perkataan dengan suku kata awal "KVK".
- (x) Kemahiran 10 : Melengkapkan perkataan dengan suku kata awal "V + KVK".
- (xi) Kemahiran 11 : Menulis perkataan dua suku kata "KV + KVK".
- (xii) Kemahiran 12 : Menulis perkataan dua suku kata "KVK + KV".
- (xiii) Kemahiran 13 : Menulis perkataan dua suku kata "KVK + KVK".
- (xiv) Kemahiran 14 : Perkataan "KV + KV + KVK".

Langkah 3: Pelaksanaan P&P Kaedah *Stand Alone* (14 April – 1 Mei 2010)

Pembelajaran berlaku di Pusat Akses sekolah berhampiran dengan dikendalikan oleh Guru Pemulihan sekolah kajian. Bagi memastikan guru ini dibantu dari segi teknikal TMK seperti pemasangan CD/CDRI dan perkakasan komputer, seorang Juruteknik Komputer dan dua orang guru praktikum dari universiti tempatan ditugaskan membantu sepanjang proses P&P dijalankan. Bahan CDRI yang digunakan ialah e-Bahan Pemulihan Bahasa Melayu, Kementerian Pelajaran. Tempoh pelaksanaan

P&P ini ialah satu jam mengikut jadual yang telah dipersetujui dengan pihak sekolah, sepertimana Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 Waktu P&P program pemulihan.

BIL	HARI	MASA
1	Isnin, Selasa & Khamis	8.45 pagi – 9.45 pagi
2	Rabu	10.45 pagi – 11.45 pagi

Langkah 4: Permerhatian Guru Kaedah *Stand Alone*

Pemerhatian telah dibuat oleh guru pemulihan pada (15 April dan 29 April). Dapatan pemerhatian ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Murid mula menampakkan peningkatan minat terhadap P&P secara drastik dalam tempoh minggu pertama pelaksanaan (min: 3.77) sehingga dua minggu berikutnya (min: 4.77). Dapatan ini disokong melalui dapatan pemerhatian dua orang guru praktikum yang membantu guru berkenaan.
- (ii) Penglibatan pelajar dalam proses P&P juga meningkat dalam tempoh minggu pertama pelaksanaan (min: 4) sehingga dua minggu berikutnya (min: 5). Dapatan ini disokong melalui dapatan pemerhatian dua orang guru praktikum yang membantu guru berkenaan.
- (iii) Guru mendapati penguasaan kemahiran murid dalam kemahiran membaca melalui penilaian secara tidak formal gerak kerja/aktiviti yang dijalankan semasa P&P juga meningkat. Dapatan ini disokong melalui dapatan pemerhatian dua guru praktikum yang membantu guru berkenaan.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh tiga minggu pelaksanaan ini, terdapat beberapa penambahbaikan yang dicadangkan melalui Instrumen Pemerhatian Guru yang melibatkan penambahbaikan proses P&P iaitu:

Kepada Murid:

- (i) Murid memerlukan bimbingan individu untuk meningkatkan keberkesanan program ini terutama dalam penggunaan komputer dan operasi CD/CDRI.

Kepada Guru:

- (ii) Guru memerlukan pembantu untuk memudahkan proses P&P. Cadangan ini diperkuat melalui pemerhatian oleh guru praktikum iaitu:

Kepada Murid:

- (i) Memperbanyak proses pembelajaran berbentuk permainan bagi menarik minat murid untuk belajar.
- (ii) Murid perlu lebih didedahkan kepada penggunaan komputer di sekolah untuk meningkatkan kemahiran TMK mereka.
- (iii) Membenarkan dan menggalakkan murid meminjam CD/CDRI untuk digunakan di sekolah ataupun di rumah mereka.

Kepada Guru:

- (i) Guru perlu meningkatkan kemahiran komputer dan mampu meneroka perisian pembelajaran.
- (ii) Guru perlu mencari ruang untuk meningkatkan kemahiran komputer murid.

Langkah 5: Penambahbaikan Pelaksanaan

Mengambil kira pandangan daripada Instrumen Pemerhatian Guru ini beberapa langkah telah diambil seperti:

- (i) Menggunakan CD kaedah Cepat Baca, Cepat Faham Siri 1 dan Siri 2 dengan aplikasi P&P lebih bersifat kelas/bilik darjah, supaya masalah kemahiran TMK guru dapat dikurangkan kesannya terhadap proses P&P. Simulasi ini lebih kepada P&P dalam kelas di sekolah yang hanya menggunakan sebuah komputer dan satu LCD yang dibekalkan Kementerian Pelajaran.
- (ii) Bimbingan dan penglibatan guru praktikum lebih sebagai fasilitator atau membantu guru yang mengajar sahaja.
- (iii) Menugaskan seorang Juruteknik Komputer bertugas membantu pengendalian perkakasan TMK.

Langkah 6: Pelaksanaan P&P Kaedah Bilik Darjah (2 Mei – 29 Mei 2010)

Pembelajaran berlaku dalam suasana perabot dan peralatan disusun secara model bilik darjah di Pusat Akses sekolah berhampiran. Guru menggunakan CD pembelajaran Selan Osni, kaedah Cepat Baca Cepat Faham dan menggunakan LCD dan *notebook* sepertimana yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran kepada sekolah untuk program PPSMI. Guru ini dibantu dari segi teknikal TMK seperti pemasangan CD dan perkakasan TMK oleh seorang Juruteknik Komputer dan dua orang guru praktikum dari universiti tempatan masih ditugaskan membantu sepanjang proses P&P dijalankan. Tempoh pelaksanaan P&P ini ialah satu jam.

Langkah 7: Pemerhatian Guru Kaedah Bilik Darjah

Pemerhatian telah dibuat oleh guru pemulihan pada (3 Mei dan 24 Mei). Dapatan pemerhatian ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Murid masih mengekalkan minat terhadap P&P dalam tempoh minggu pertama pelaksanaan (min: 3.66) sehingga tiga minggu berikutnya (min: 4.66). Dapatan ini disokong melalui dapatan pemerhatian dua orang guru praktikum yang membantu guru berkenaan.
- (ii) Penglibatan pelajar dalam proses P&P juga meningkat dalam tempoh minggu pertama pelaksanaan (min: 4) sehingga tiga minggu berikutnya (min: 5). Dapatan ini disokong melalui dapatan pemerhatian dua orang pelajar praktikum yang membantu guru berkenaan.

Langkah 8: Ujian Pasca- (30 Mei 2010)

Ujian pasca- ialah ujian untuk mengukur pencapaian objektif kajian melalui perbandingan dengan pencapaian ujian pra-. Ujian ini telah dilaksanakan pada 30 Mei 2010 bagi menilai keberkesanan penggunaan CDRI/CD dan perkakasan TMK dalam mengatasi masalah kemahiran membaca di kalangan murid pemulihan. Pelajar dikawal sebagaimana peperiksaan formal yang biasa dilakukan di sekolah.

DAPATAN DAN REFLEKSI TINDAKAN

1. Berdasarkan objektif kajian: Menilai keberkesanan penggunaan CDRI dan Perkakasan TMK dalam meningkatkan minat murid pemulihan.

Kesimpulan daripada instrumen pemerhatian adalah jelas bahawa minat murid adalah tinggi dalam proses P&P menggunakan TMK dan kaedah *Stand Alone* lebih diminati berbanding kaedah Bilik Darjah.

2. Berdasarkan objektif kajian: Menilai keberkesanan penggunaan CDRI dan perkakasan TMK dalam meningkatkan penglibatan murid pemulihan dalam proses P&P.

Kesimpulan daripada instrumen pemerhatian adalah jelas bahawa penglibatan murid adalah tinggi dalam proses P&P menggunakan TMK dan tiada perbezaan penilaian pemerhatian bagi kaedah *Stand Alone* dan kaedah Bilik Darjah.

3. Berdasarkan objektif kajian: Menilai keberkesanan penggunaan CDRI dan perkakasan TMK dalam mengatasi masalah kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihan.

Perbandingan pencapaian penguasaan antara ujian pra- dan pasca-murid berkenaan didapati secara keseluruhan telah berlaku peningkatan secara menyeluruh. Hal ini dibuktikan melalui peningkatan pencapaian melalui markah yang diperoleh kesemua murid tersebut. Dalam ujian pasca-, bezantara markah tertinggi ialah 57.70 peratus (ujian pra- = 18.0%, ujian pasca- = 76.60 %) dan terendah ialah 15.30 peratus (ujian pra- 49.50 %, ujian pasca- = 64.90 %). Tahap pencapaian adalah berbeza dari segi nilai bezantara tertinggi dan terendah bagi 10 murid pemulihan ini adalah juga menunjukkan penguasaan kemahiran yang diperoleh mereka juga adalah berbeza. Hal ini ditunjukkan melalui Lampiran 2.

4. Berdasarkan objektif kajian: Menilai keberkesanan penggunaan CDRI dan Perkakasan TMK dalam mengatasi masalah kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihan mengikut skop kemahiran berikut:
 - (i) Mengenal huruf
 - (ii) Mengenal suku kata
 - (iii) Mengenal perkataan

Mengenal Huruf

Perbandingan pencapaian penguasaan antara ujian pra- dan pasca-murid berkenaan, didapati secara keseluruhan telah berlaku peningkatan secara menyeluruh dalam kemahiran mengenal huruf bagi semua murid pemulihan ini. Hal ini dibuktikan melalui peningkatan pencapaian melalui markah yang diperoleh kesemua murid tersebut. Bezantara markah tertinggi ialah 76 peratus (ujian pra- = 18.0 %, ujian pasca- = 94.0 %) dan terendah ialah 12.0 peratus (ujian pra- 80.0 %, ujian pasca- = 92.0 %). Bagi murid kecerdasan biasa, penguasaan mengenal huruf ini bukanlah menjadi masalah tetapi bagi Murid Pemulihan Tahun 2, pencapaian ini sesuatu yang membanggakan. Hal ini ditunjukkan dalam Lampiran 3.

Mengenal Suku Kata

Perbandingan pencapaian penguasaan antara ujian pra- dan pasca- murid berkenaan didapati secara keseluruhan telah berlaku peningkatan secara menyeluruh dalam kemahiran mengenal suku kata bagi semua murid

pemulihan ini. Hal ini dibuktikan melalui peningkatan pencapaian melalui markah yang diperoleh kesemua murid tersebut. Bezantara markah tertinggi ialah 63.64 peratus (ujian pra- = 36.36 %, ujian pasca- = 100 %) dan terendah ialah 0 peratus (ujian pra- 100 %, ujian pasca- = 100 %). Hal ini juga menunjukkan peningkatan yang tinggi dapat dicapai oleh murid ini dan mengekalkan penguasaan sedia ada bagi yang telah menguasainya. Ini ditunjukkan dalam Lampiran 4.

Mengenal Perkataan

Perbandingan pencapaian penguasaan antara ujian pra- dan pasca- murid berkenaan didapati secara keseluruhan telah berlaku peningkatan secara menyeluruh dalam kemahiran mengenal perkataan bagi semua murid pemulihan ini. Perkara ini dibuktikan melalui peningkatan pencapaian melalui markah yang diperoleh kesemua murid tersebut. Bezantara markah tertinggi ialah 18.02 peratus (ujian pra- = 6.31 %, ujian pasca- = 24.32 %) dan terendah ialah 6.31 peratus (ujian pra- 4.50 %, ujian pasca- = 10.81 %).

Hal ini menunjukkan peningkatan yang sederhana dapat dicapai oleh murid ini. Selain itu, menunjukkan tahap kemahiran membaca murid-murid ini bermula daripada mudah kepada yang lebih sukar. Dalam tempoh hampir dua bulan program ini dilaksanakan (14 April–30 Jun), murid-murid ini telah menguasai kemahiran yang seiring dengan tahap kecerdasan mereka dan mampu membaca ayat-ayat mudah. Ini ditunjukkan dalam Lampiran 5.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan dapatan kajian tindakan ini:

1. Guru Pemulihan juga memerlukan latihan penggunaan TMK bagi memantapkan lagi P&P mereka khususnya kepada murid-murid lemah.
2. Peralatan TMK perlu disediakan di Bilik Pemulihan Sekolah sekurang-kurangnya satu LCD dan satu komputer.
3. Program Galak Guna perisian kursus (CDRI/CD/CD Audio) dalam P&P harus dititikberatkan oleh pentadbir sekolah termasuk mengadakan skim pinjaman CDRI/CD kepada murid.
4. Konsep *Joy of Learning* melalui penggunaan pelbagai perisian (unsur permainan, lagu dan animasi) perlu difokuskan dalam P&P murid pemulihan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa dapatan kajian ini telah menunjukkan hasil yang amat memuaskan. Aplikasi Perkakasan TMK dan Bahan Sokongan P&P yang dibekalkan di sekolah apabila digunakan secara optimum akan memberi impak yang positif terutama dalam meningkatkan minat belajar dalam kalangan murid dan mendorong mereka untuk mengambil peranan secara positif dan aktif dalam proses P&P. Impak kepada peningkatan kemahiran membaca juga terbukti berkesan melalui peningkatan markah ujian yang dicapai. Oleh itu, penggunaan TMK dalam P&P secara langsung mampu mengatasi masalah LINUS dan menjayakan NKRA Kementerian Pelajaran.

RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin, 1995. *Penilaian Afektif*. Kajang: Masa Enterprise.
- Buku Manual Kajian Tindakan*, 2008. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Modul Kajian Tindakan BTPN*, 2010. Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Kelantan. Modul tidak diterbitkan.
- Modul Peer Tutoring PSPN Kelantan (Rakan Bestari)*, 2004. Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Kelantan.
- Wan Chik Ibrahim, 1997. *A Guide to Writing Research Proposals*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Zainora bt Mohd @ Man, 2005. *Meningkatkan kemahiran Membaca Murid Tahun 5 Melalui Kaedah Latih Tubi Bacaan Menggunakan Kad Suku Kata*. SK. Merting, Pahang.
- Zuria Mahmud, Dr. Ab. Halim Tamuri dan Safani Bari, 2004. *Kajian ke Atas Aspirasi, Nilai Diri, Halangan dan Keperluan Pelajar Fikir di Negeri Selangor: Satu Tinjauan Awal di Daerah Sabak Bernam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

PROFIL SEKOLAH DAN GURU PEMULIHAN.

1. Nama sekolah: (salah sebuah sekolah rendah di Kota Bharu)
3. Bilangan Guru/Kakitangan : 96 orang.
4. Bilangan murid: 1501 orang.
5. Guru Pemulihan: (seorang guru perempuan)
6. Akademik: SPM.
7. Pengalaman Mengajar: 30 Tahun.
8. Pengalaman Guru Pemulihan: 10 Tahun.
9. Kursus Pemulihan: Pernah berkursus.
10. Kemahiran ICT: Lemah.

**REKOD PENGUASAAN KEMAHIRAN INDIVIDU
KATEGORI MENGENAL HURUF**

BIL	NAMA MURID	UJIAN	MENGENAL HURUF		JUMLAH	PERATUS
			KECIL	BESAR		
1	MOHD AFIQ INDALLAH	BIL. SOALAN	25	25	50	100.00
		PRA-	12	10	22	44.00
		PASCA-	25	20	45	90.00
		BEZA	13	10	23	46.00
2	AFIFUDDIN	BIL. SOALAN	25	25	50	100.00
		PRA-	8	9	17	34.00
		PASCA-	24	22	46	92.00
		BEZA	16	13	29	58.00
3	ALIF AIMAN	BIL. SOALAN	25	25	50	100.00
		PRA-	21	20	41	82.00
		PASCA-	25	25	50	100.00
		BEZA	4	5	9	18.00
4	ANIS DELAILA	BIL. SOALAN	25	25	50	100.00
		PRA-	11	7	18	36.00
		PASCA-	22	18	40	80.00
		BEZA	11	11	22	44.00
5	LUQMAN HARIS	BIL. SOALAN	25	25	50	100.00
		PRA-	7	0	7	14.00
		PASCA-	5	15	20	40.00
		BEZA	-2	15	15	30.00
6	MOHAMMAD RIDZUAN	BIL. SOALAN	25	25	50	100.00
		PRA-	15	10	25	50.00
		PASCA-	25	21	46	92.00
		BEZA	10	11	21	42.00
7	MUHAMMAD AQIL	BIL. SOALAN	25	25	50	100.00
		PRA-	11	13	24	48.00
		PASCA-	25	15	40	80.00
		BEZA	14	2	16	32.00
8	MUHAMMAD HIDAYAT	BIL. SOALAN	25	25	50	100.00
		PRA-	19	21	40	80.00
		PASCA-	21	25	46	92.00
		BEZA	2	4	6	12.00
9	NABIL	BIL. SOALAN	25	25	50	100.00
		PRA-	6	3	9	18.00
		PASCA-	23	24	47	94.00
		BEZA	17	21	38	76.00
10	NUR AZREN HASLIDA	BIL. SOALAN	25	25	50	100.00
		PRA-	23	17	40	80.00
		PASCA-	25	23	48	96.00
		BEZA	2	6	8	16.00

REKODPENGUASAANKEMAHIRANINDIVIDUKATEGORI SUKU KATA 'V' DAN SUKU KATA 'KV'

BIL	NAMA MURID	UJIAN	KEMAHIRAN MEMBACA		JUMLAH	PERATUS
			SUKU KATA 'V'	SUKU KATA 'KV'		
1	MOHD AFIQ INDALLAH	BIL. SOALAN	6	5	11	100.00
		PRA-	6	3	9	81.82
		PASCA-	6	5	11	100.00
		BEZA	0	2	2	18.18
2	AFIFUDDIN	BIL. SOALAN	6	5	11	100.00
		PRA-	5	0	5	45.45
		PASCA-	4	4	8	72.73
		BEZA	-1	4	4	36.36
3	ALIF AIMAN	BIL. SOALAN	6	5	11	100.00
		PRA-	6	5	11	100.00
		PASCA-	6	5	11	100.00
		BEZA	0	0	0	0.00
4	ANIS DELAILA	BIL. SOALAN	6	5	11	100.00
		PRA-	6	4	10	90.91
		PASCA-	6	5	11	100.00
		BEZA	0	1	1	9.09
5	LUQMAN HARIS	BIL. SOALAN	6	5	11	100.00
		PRA-	4	0	4	36.36
		PASCA-	6	5	11	100.00
		BEZA	2	5	7	63.64
6	MOHAMMAD RIDZUAN	BIL. SOALAN	6	5	11	100.00
		PRA-	5	0	5	45.45
		PASCA-	4	4	8	72.73
		BEZA	-1	4	4	36.36
7	MUHAMMAD AQL	BIL. SOALAN	6	5	11	100.00
		PRA-	4	4	8	72.73
		PASCA-	5	5	10	90.91
		BEZA	1	1	2	18.18

ABUL FUAD MOHAMED SALIM DAN IZANI HJ DAUD

BIL	NAMA MURID	UJIAN	KEMAHIRAN MEMBACA		JUMLAH	PERATUS
			SUKU KATA 'V'	SUKU KATA 'KV'		
8	MUHAMMAD HIDAYAT	BIL. SOALAN	6	5	11	100.00
		PRA-	5	2	7	63.64
		PASCA-	6	5	11	100.00
		BEZA	1	3	4	36.36
9	NABIL	BIL. SOALAN	6	5	11	100.00
		PRA-	3	1	4	36.36
		PASCA-	6	5	11	100.00
		BEZA	2	4	6	54.55
10	NUR AZREN HASLIDA	BIL. SOALAN	6	5	11	100.00
		PRA-	5	5	10	90.91
		PASCA-	6	5	11	100.00
		BEZA	1	0	1	9.09

Lampiran 5

REKOD PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA INDIVIDU BAGI PENGUASAAN PERKATAAN

BIL	NAMA MURID	UJIAN	KEMAHIRAN MEMBACA - PERKATAAN										JUM-LAH	%
			A	B	C	D	E	F	G	H	I	J		
1	MOHD AFIQ INDALLAH	BIL. SOALAN	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	50	45.05
		PRA-	4	1	4	3	1	2	0	0	0	0	15	13.51
		PASCA-	5	5	5	5	0	0	4	0	0	0	24	21.62
		BEZA	1	4	1	2	-1	-2	4	0	0	0	9	8.11
2	AFIFUDDIN	BIL. SOALAN	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	50	45.05
		PRA-	4	1	1	1	0	0	1	0	0	0	8	7.21
		PASCA-	4	4	4	4	0	2	0	0	0	0	18	16.22
		BEZA	0	3	3	3	0	2	-1	0	0	0	10	9.01

KEBERKESANAN APLIKASI TMK

3	ALIF AIMAN	BIL. SOALAN	5	5	5	5	5	5	5	5	5	50	45.05	
		PRA-	5	5	5	4	4	5	3	3	0	0	34	30.63
		PASCA-	5	5	5	5	5	5	4	5	5	5	49	44.14
		BEZA	0	0	0	1	1	0	1	2	5	5	15	13.51
4	ANIS DELAILA	BIL. SOALAN	5	5	5	5	5	5	5	5	5	50	45.05	
		PRA-	5	2	3	4	5	5	1	2	1	3	31	27.93
		PASCA-	5	5	5	5	5	5	0	0	4	4	38	34.23
		BEZA	0	3	2	1	0	0	-1	-2	3	1	7	6.31
5	LUQMAN HARIS	BIL. SOALAN	5	5	5	5	5	5	5	5	5	50	45.05	
		PRA-	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00
		PASCA-	4	1	5	3	0	0	0	0	0	0	13	11.71
		BEZA	4	1	5	3	0	0	0	0	0	0	13	11.71

ABUL FUAD MOHAMED SALIM DAN IZANI HJ DAUD

BIL	NAMA MURID	UJIAN	KEMAHIRAN MEMBACA - PERKATAAN										JUM-LAH	%
			A	B	C	D	E	F	G	H	I	J		
6	MOHAMMAD RIDZUAN	BIL. SOALAN	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	50	45.05
		PRA-	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	4.50
		PASCA-	4	1	5	2	0	0	0	0	0	0	12	10.81
		BEZA	-1	1	5	2	0	0	0	0	0	0	7	6.31
7	MUHAMMAD AQIL	BIL. SOALAN	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	50	45.05
		PRA-	5	4	4	2	2	2	3	1	1	0	24	21.62
		PASCA-	5	5	5	5	5	5	5	3	0	0	38	34.23
		BEZA	0	1	1	3	3	3	2	2	-1	0	14	12.61
8	MUHAMMAD HIDAYAT	BIL. SOALAN	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	50	45.05
		PRA-	5	3	0	0	0	0	0	0	0	0	8	7.21
		PASCA-	5	3	5	2	0	0	0	0	0	0	15	13.51
		BEZA	0	0	5	2	0	0	0	0	0	0	7	6.31
9	NABIL	BIL. SOALAN	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	50	45.05
		PRA-	4	0	2	0	0	0	1	0	0	0	7	6.31
		PASCA-	5	0	5	5	0	0	1	5	5	1	27	24.32
		BEZA	1	0	3	5	0	0	0	5	5	1	20	18.02
10	NUR AZREN HASLIDA	BIL. SOALAN	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	50	45.05
		PRA-	5	1	4	4	2	0	0	0	0	0	16	14.41
		PASCA-	5	3	3	3	0	3	2	1	4	0	24	21.62
		BEZA	0	2	-1	-1	-2	3	2	1	4	0	8	7.21

REKOD PENCAPAIAN KEMAHIRAN INDIVIDU DALAM UJIAN PRA- DAN PASCA-

BIL	NAMA MURID	UJIAN	PERATUS PENCAPAIAN
1	MOHD AFIQ INDALLAH	PRA-	41.40
		PASCA-	72.10
		BEZA	33.30
2	AFIFUDDIN	PRA-	27.00
		PASCA-	64.90
		BEZA	39.60
3	ALIF AIMAN	PRA-	77.50
		PASCA-	99.10
		BEZA	21.60
4	ANIS DELAILA	PRA-	53.20
		PASCA-	80.20
		BEZA	29.70
5	LUQMAN HARIS	PRA	9.90
		PASCA-	39.60
		BEZA	31.50
6	MOHAMMAD RIDZUAN	PRA-	31.50
		PASCA-	59.50
		BEZA	29.70
7	MUHAMMAD AQIL	PRA	50.50
		PASCA-	79.30
		BEZA	29.70
8	MUHAMMAD HIDAYAT	PRA-	49.50
		PASCA-	64.90
		BEZA	15.30
9	NABIL	PRA-	18.00
		PASCA-	76.60
		BEZA	57.70
10	NUR AZREN HASLIDA	PRA-	59.50
		PASCA-	74.80
		BEZA	18.90

Bezantara pencapaian tertinggi = 57.70

Bezantara pencapaian terendah = 15.30